

1100033005
K013

Perpustakaan

05 Perpustakaan
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

LI 22 FPE 1 2002



1100033005

Laporan akhir latihan industri di Yayasan Islam Kelantan / Nik Haslina Nik Hasan.



**PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100033005

1100033005

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandung pandangan dan pendapat penulis yang berasaskan kepada teori pengalaman yang dipelajari semasa menjalani tugas industri sains pada Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM terhadap

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
YAYASAN ISLAM KELANTAN**

OLEH:

**NIK HASLINA BINTI NIK HASAN
UK 4393**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FALKUTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA**

SMS-POLISI AWAM DAN SEKITARAN-SEM-5

1100033005

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1: Pengenalan	1
1.1.1: Sejarah penubuhan Yayasan Islam Kelantan	1
1.1.2 : Penubuhan	2
1.1.3 : Objektif penubuhan	2
1.1.4 : Tumpuan	3-11
1.2: Maklumat Organisasi	12
1.2.1 : Nama syarikat	12
1.2.2 : Alamat	13
1.2.3 : Ahli lembaga pengarah	14-15
1.2.4 : Juruaudit	15-19
1.2.5 : Bank	19-20
1.3 : Carta Organisasi	21
1.4 : Aktiviti Organisasi	22
1.5 : Kemahiran yang ingin dipelajari	22-26
BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN.	
2.1 : Kekurangan Tenaga Kerja	27-29
2.2 : Menggunakan sistem manual	29-32
2.3 : Ketidakseragaman akaun di sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan	32-33
2.4 : Perkongsiaan bilik antara unit.	33-34
2.5 : Perabot dan perkakas yang tidak tersusun rapi.	34-35
2.6 : Sikap pekerja Yayasan Islam Kelantan yang datang lambat	35-37
2.7 : Analisis Masalah dan Perbincangan	

PUSAT PELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

2.7.1: Cadangan penyelesaian	
a) Menambahkan Tenaga Kerja	38
b) Menggunakan Sistem Komputer	39
c) Menyeragamkan Akaun Sekolah Di Bawah Kelolaan Yayasan Islam Kelantan	39-40
d) Pengasingan Bilik Antara Unit	40-41
e) Perabot dan Perkakas Perlu Disusun Rapi	41
f) Ambil Tindakan Tegas ke Atas Kakitangan	41-45
g) Menghantar Kakitangan ke Khursus, atau Seminar Dan Motivasi.	45-46

BAB 3 : PENUTUP

47

Sekapur Sirih

Bismillahirahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadrat illahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapatlah saya menyiapkan latihan praktikal, yang mana ianya mengambil masa selama 12 minggu iaitu bermula pada 04 March 2002 hingga 23 March 2002. Saya menjalankan latihan praktikal ini, di salah sebuah organisasi kerajaan iaitu Yayasan Islam Kelantan (YIK). Ianya bagi memenuhi kursus Latihan Praktikal (SOS 4299)

Di sini saya ingin ucapkan jutaan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti Latihan Industri ini di mana saya telah didedahkan dengan alam pekerjaan yang sebenar.

Di samping itu, saya ingin ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yayasan Islam Kelantan yang telah bermurah hati menerima saya untuk membuat Latihan Industri di organisasi mereka di mana mereka menerima saya dengan hati yang terbuka.

Namun tidak lupa juga kepada penyelia KUSTEM iaitu Puan Ruzaini Binti Sulaiman yang sanggup datang ke tempat saya menjalankan latihan industri ini

semata-mata untuk menilai hasil kerja pelatih di sana, walaupun keadaan beliau pada masa itu kurang sihat kerana berbadan dua.

Tidak lupa juga kepada penyelia organisasi iaitu Encik Mohd Nazari bin Mohd Noor, atas segala tunjuk ajar yang diberikan dalam tempoh saya menjalani latihan Praktikal di organisasi tersebut. Sesungguhnya keperihatinan yang diberikan amatlah saya hargai.

Terima kasih juga buat rakan-rakan sekerja yang sama-sama memberikan kerjasama yang padu kepada saya dalam usaha menyiapkan latihan praktikal ini. Jesteru itu, saya ucapkan setinggi penghargaan kepada suami saya, Wan Muhammad Nur Azman bin Wan Muhammad serta keluarga yang banyak memberi sokongan samada dalam bentuk meterial dan moral.

Sesungguhnya dalam proses menyiapkan tugas yang diamanahkan ini, tidak dapat dinafikan bahawa saya terpaksa menghadapi pelbagai dugaan dan halangan. Namun berkat kesungguhan dan komitmen yang diberikan, semua itu dapat saya hadapi dan akhirnya tugas ini dapat saya siapkan.

Disediakan oleh,

Nik Haslina binti Nik Hasan,

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

21030 Mengabang Telipot,

Kuala Terengganu,

Terengganu.

Akhir kalam, terima kasih sekali lagi buat semua. Wassalam.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL
SULTANAH NUR ZAHIRAH

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memenuhi kursus Latihan Industri, pelatih memilih Yayasan Islam Kelantan (YIK) kerana pelatih ingin mengetahui tentang sistem pentadbiran dan pengurusan di Yayasan Islam Kelantan. Yayasan Islam Kelantan terletak kira-kira 15 kilometer dari Bandar Kota Bharu dan ditubuhkan pada 1 March 1983. Yayasan Islam Kelantan merupakan badan kerajaan, di bawah naungan Kerajaan Negeri Kelantan dan merupakan satu badan organisasi yang memberi tumpuan kepada Unit Pendidikan dan Unit Peperiksaan. Organisasi ini mempunyai 92 buah sekolah, di mana 17 buah Sekolah Menengah Ugama(A) Kerajaan dan selebihnya Sekolah Menengah Ugama(A) Bantuan dan Tadika Islam.

Yayasan Islam Kelantan tidak mempunyai cawangan, di mana Yayasan Islam Kelantan merupakan satu-satunya organisasi di Kelantan. Organisasi ini mempunyai Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah yang terbahagi kepada 12 bahagian, di mana Pengarah Yayasan Islam Kelantan memegang jawatan sebagai setiausaha mengikut carta organisasi. Pengarah mempunyai kedudukan yang tertinggi dan diikuti oleh Timbalan Pengarah dan seterusnya.

Dalam menjalani Latihan Industri ini, pelatih telah mendapat beberapa pengalaman dan kemahiran yang dipelajari di Yayasan Islam Kelantan. Walaupun kursus yang pelatih ambil di KUSTEM berlainan dengan apa yang lakukan semasa menjalani Latihan Industri, namun pengalaman yang pelatih

dapat lebih bernilai jika hendak dibandingkan dengan wang. Di samping itu, pelatih mendapat kemahiran yang baru iaitu di bidang audit. Di dalam bidang ini, tugas pelatih ialah menyemak buku-buku tunai daripada sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Selain itu, pelatih juga dapat bergaul mesra dengan kakitangan di Unit Audit dan juga unit-unit yang lain. Kakitangan di Yayasan Islam Kelantan sangat peramah dan cepat mesra. Walaupun pelatih baru datang ke Yayasan Islam Kelantan dan usia yang paling muda, namun mereka telah memberi pertolongan dan bantuan kepada pelatih dalam menjalankan tugas harian. Oleh itu, ianya memudahkan pelatih untuk menjalankan kerja dan berkomunikasi dengan kakitangan di Yayasan Islam Kelantan.

Di mana-mana organisasi samada organisasi kerajaan atau swasta akan menghadapi masalah. Namun begitu juga dengan Yayasan Islam Kelantan. Masalah utama yang dikenalpasti ialah kurangnya tenaga kerja di Unit Audit. Masalah seterusnya ialah di Unit Audit masih menggunakan system manual untuk membuat pengiraan data-data di dalam buku tunai dan ketidakseragaman akaun sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Selain itu, Unit Audit juga berkongsi bilik dengan dua unit lain iaitu Unit Kewangan dan Unit Akaun. Manakala perabot dan perkakas di dalam pejabat tersebut tidak tersusun dengan rapi. Ini menyebabkan ruang yang sempit menjadi lebih sempit. Seterusnya, masalah yang terakhir ialah sikap pekerja Yayasan Islam Kelantan yang datang lewat ke pajabat.

Walau bagaimanapun, beberapa cadangan yang disarankan bagi mengatasi masalah yang timbul. Antaranya ialah menambah tenaga kerja di Unit Audit. Seterusnya pentadbiran di Unit Audit haruslah menggunakan sistem komputer untuk membuat pengiraan data dan sekaligus menyimpan data-data tersebut di dalam komputer. Di samping itu, Juruaudit juga perlu menyelaraskan akaun-akaun yang terdapat di sekolah-sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan, samada sekolah menengah Ugama(A) bantuan dan kerajaan. Selain itu, Unit Audit perlu diasingkan ke bilik yang lain supaya unit ini dapat menjalankan kerja mereka dengan cekap dan bersistematik.

Justeru itu, wujudkan satu hari untuk menjalankan kegiatan gotong-royang bagi membersihkan bilik dan menyusun perabot dan perkakas yang berselerak. Bagi kakitangan yang datang lewat ke pejabat dan tidak dapat memberikan komitmen kepada kerjanya akan dikenakan tindakan tegas seperti tindakan tatatertib, tidak dinaikkan pangkat dan gaji serta dinasihatkan berhenti kerja. Langkah seterusnya menghantar kakitangan atasan atau kakitangan bawahan untuk menghadiri seminar yang berkaitan dengan seminar kecemerlangan. Apabila kakitangan di hantar untuk menghadiri sesuai seminar yang berkaitan dengan kecemerlangan kerjaya atau sebagainya. Mereka akan mendapat semangat dan azam baru untuk bekerja. Di samping itu, ia dapat meningkatkan mutu dan menaikan nama Yayasan Islam Kelantan.

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah, Yayasan Islam Kelantan merupakan badan organisasi yang lebih mementingkan pendidikan. Di mana telah ramai pelajar-pelajar di bawah kelolaannya telah berjaya melanjutkan pelajaran Universiti Al-Azhar.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH